



MAHANTHERAN MAXWELL

LATAR BELAKANG

Sejak di usia muda lagi beliau sentiasa ingin memasuki bidang Perfileman. Setelah beliau menamatkan pengajian, beliau menyertai Peter Robinson Studios sebagai *Line Producer* / Penerbit melaporkan kepada Pengarah Urusan. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Penerbit Eksekutif yang memimpin kumpulan produksi.

Pada tahun 1999, beliau membuat keputusan untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan kepakaran yang beliau miliki kepada generasi muda oleh itu beliau menjadi Pensyarah di *Faculty of Artistic and Creative Technology*, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dimana beliau dilantik sebagai Ketua Program di fakulti tersebut.

Sepanjang kerjaya beliau, beliau telah terlibat dengan pelbagai jenis seminar, bengkel dan program latihan di dalam dan di luar negara seperti *International Workshop in Maine* di Amerika Syarikat yang telah banyak menyumbangkan dalam memperhalusi kemahiran beliau di dalam bidang Produksi Filem. Beliau juga merupakan ahli di dalam *Film Directors' Association of Malaysia* (FDAM).

PENCAPAIAN

Melalui karier ini, beliau telah menghasilkan lebih dari 1000 komersial, trailer dan video korporat termasuk komersial dari *Esso, Kentucky Fried Chicken (KFC), Coffee-Mate, Nescafe, Caltex, Kopiko, Levis, Shell, Texan, Ginvera, Sifone, Kopi Torabika, Minak Djinggo, Nissan, Yamaha, Horlicks, Honda, McDonald, Ribena, Breeze, Pantene, Dynamo, Fab* dan banyak lagi.

Video korporat yang pernah beliau hasilkan termasuk video Telekom Malaysia, INTI College, Bank Bumiputra Malaysia, dan National Stud Farm.